

Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam kalangan guru dan murid: Pendekatan Kualitatif dan kuantitatif

Marmi Mariana Zakaria and *Dahlia Janan

Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA

*Corresponding author: dahlia@fbk.upsi.edu.my

To cite this article (APA): Zakaria, M. M., & Janan, D. (2022). Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam kalangan guru dan murid: Pendekatan Kualitatif dan kuantitatif . *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 12(1), 80–98. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol12.1.6.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol12.1.6.2022>

Published: 28 June 2022

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti penerimaan ilustrasi dan kekerapan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam kalangan guru dan murid tingkatan satu. Reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik dan protokol temu bual telah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang guru Bahasa Melayu dan 50 orang murid tingkatan satu. Dapatkan kajian menunjukkan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu adalah pada tahap memuaskan, iaitu 63.4 peratus guru dan 58 peratus murid setuju bahawa buku teks digunakan dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan elemen ilustrasi pula menunjukkan 90 peratus guru dan murid setuju bahawa ciri-ciri, jenis-jenis dan fungsi-fungsi ilustrasi mendorong mereka menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dapatkan data temu bual menunjukkan terdapat kekangan penggunaan buku teks dari aspek kandungan terutamanya nota-nota tatabahasa. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu adalah pada tahap memuaskan sahaja walaupun responden mengakui elemen ilustrasi mendorong mereka menggunakan buku teks. Implikasinya, masih terdapat ruang untuk menambah baik pembangunan buku teks agar kekerapan penggunaan mencapai tahap yang baik.

Kata Kunci: Bahasa Melayu, buku teks, ilustrasi, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Pengenalan

Buku teks merupakan terjemahan prinsip-prinsip asas sukanan pelajaran dan huraihan sukanan pelajaran yang menjadi rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam

bilik darjah (Mohd Nazri et al, 2014). Pernyataan ini menunjukkan bahawa buku teks yang digunakan sebagai bahan utama panduan dalam pengajaran dan pembelajaran yang menjadi sumber penting kepada guru-guru di seluruh dunia. Pernyataan ini disokong dalam Laporan Pemantauan Pendidikan Global oleh United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) 2016, yang menyatakan bahawa buku teks digunakan sebagai bahan utama dalam pengajaran (Benavot & Jere, 2016). Laporan ini mengesahkan keutuhan buku teks sebagai instrumen pendidikan yang penting yang tidak boleh diabaikan (Fuzirah Hashim, Bahiyah Abdul Hamid, Kesuma A. Bakar & Zarina Othman, 2018).

Menurut Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2017), sebagai satu usaha menyelaraskan sistem pendidikan di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan buku teks sebagai rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Nik Mursyidah Nik Din dan Normila Noruddin (2011) pula, kajian dan penelitian terhadap buku teks dijalankan dengan begitu saintifik bagi memastikan penghasilan buku teks yang berkualiti. Penulisan buku teks boleh diklasifikasi sebagai satu proses yang kompleks. Proses ini melibatkan usaha sekumpulan pakar dalam pelbagai disiplin ilmu bagi menghasilkan satu silibus yang berupaya mencapai matlamat dan objektif program atau sistem pendidikan. Ini adalah kerana buku teks merupakan satu-satunya rujukan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dimiliki oleh semua pelajar (Mohd Fadzli & Mohd Sukki, 2012).

Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari dan Amizan Helmi Mohamad (2013), menyatakan proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang melibatkan ilmu, kemahiran dan bahan bacaan. Sehubungan itu, kajian berkaitan penerimaan buku teks ini perlu dilaksanakan agar dapat digunakan seiring dengan perkembangan dan kemajuan semasa. Selain itu, penyelidikan terhadap penerimaan dan elemen ilustrasi buku teks adalah perlu bagi menentukan arah transformasi buku teks pada masa hadapan sejajar dengan perkembangan sistem pendidikan negara.

Penyelidikan tentang kesan buku teks memang banyak dijalankan tetapi penyelidikan mengenai elemen ilustrasi dan grafik dalam buku teks dan kekerapan penggunaannya masih tidak banyak dijalankan (Qhairunnisa Aziz, 2015). Menurut beliau lagi, isu penerbitan buku rujukan yang semakin meningkat di pasaran pada masa kini menyebabkan para guru dan ibu bapa sering terkeliru untuk memilih buku yang terbaik untuk dijadikan buku rujukan utama dalam pembelajaran anak-anak mereka. Hal ini menunjukkan bahawa kajian penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid perlu dilaksanakan agar penggunaan buku teks mencapai tahap penggunaan ditingkatkan dan buku teks diterima baik dalam pengajaran dan pembelajaran.

Objektif kajian

Penyelidik menggariskan dua objektif dalam penyelidikan ini, iaitu:

1. Mengenal pasti kekerapan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu KSSM dalam kalangan guru dan murid tingkatan satu.
2. Menganalisis elemen ilustrasi dan grafik dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSM yang menjadi pilihan guru dan murid tingkatan satu.

Sorotan literatur

Penggunaan buku teks

Penyelidikan buku teks di Malaysia telah banyak dijalankan termasuklah kajian-kajian yang berkaitan penggunaan dan kualiti buku teks. Antara kajian penggunaan buku teks yang dijalankan di Malaysia adalah kerelevan penggunaan buku teks di Sekolah Bestari oleh Mas Ayu (2003). Dapatan kajian menunjukkan status buku teks sebagai rujukan utama pelajar di Sekolah Bestari adalah pada tahap tidak memuaskan. Kajian Mas Ayu (2003) terhadap 233 orang murid di Sekolah Bestari menunjukkan hanya 80 (34.3%) orang murid sahaja yang setuju bahawa buku teks adalah bahan rujukan bercetak pilihan utama pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mas Ayu (2003) lagi, Buku Teks Matematik adalah buku teks yang paling relevan digunakan dan diikuti Buku Teks Sains. Manakala, Buku Teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris tidak digunakan di sekolah tersebut kerana didapati tidak relevan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti penerimaan buku teks dalam kalangan guru dan murid di sekolah menengah harian yang menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu sebagai bahan rujukan utama dalam kelas.

Mohd Fadzli dan Mohd Sukki (2012) dalam kajian mereka tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab menjelaskan bahawa buku teks merupakan faktor penting yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran. Menurut mereka lagi, peranan buku teks adalah penting untuk menentukan pencapaian murid dalam satu mata pelajaran yang diajar dan perlu dilakukan tanpa melibatkan faktor-faktor lain. Kajian oleh Zamri Mohamod, Mahidin Awang Hitam dan Afendi Hamat (2011) terhadap penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu menunjukkan bahawa kebanyakan guru mempunyai sikap yang sederhana terhadap penggunaannya terutama dari segi isi kandungan, persempahan serta aktiviti dan latihan. Malah penggunaan buku teks dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana. Walau bagaimanapun, kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu lebih utama digunakan sebagai bahan rujukan berkaitan bahasa dan istilah. Tambahan pula, kajian tersebut dijalankan terhadap penggunaan buku teks di peringkat rendah serta ia memfokuskan kepada aspek penggunaan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian kedua-dua penyelidik ini memperkuuh tujuan kajian ini untuk melihat kekerapan penggunaan dan menganalisis elemen ilustrasi pilihan murid dalam Buku Teks Bahasa Melayu KSSM.

Kajian Wan Fatimah Mohd (2000) terhadap penggunaan buku teks KBSM menunjukkan penggunaan buku teks lebih ketara bagi mata pelajaran tertentu sahaja seperti Sejarah, Matematik dan Matematik Tambahan. Murid menggunakan buku teks untuk tujuan menyiapkan kerja rumah. Bahan selain buku teks yang digunakan oleh murid untuk membuat rujukan dalam PdP adalah buku rujukan. Walau bagaimanapun kajian beliau menunjukkan tujuan dan tahap penggunaan buku teks dalam kalangan guru berbeza mengikut mata pelajaran dan bahan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Elemen ilustrasi buku teks

Mus Chairil (2000) dalam kajian tentang pembangunan buku teks di Malaysia menyatakan ilustrasi haruslah menyokong teks supaya mesej yang disampaikan lebih jelas dan menarik. Kajian beliau dikukuhkan oleh Meyer Schapiro (1996) yang menyatakan ilustrasi yang digunakan tidak hanya untuk menggambarkan teks tetapi untuk membawa makna menjangkaui luar teks. Kedua-dua kajian ini masih dirujuk walaupun telah melebihi 10 tahun kerana tiada lagi kajian lain yang memperbaharui dapatan kajian mereka.

Menurut De Porter, Mark Reardon dan Sarah Singer-Nourie (2010), terdapat tiga gaya pembelajaran dalam model gaya pembelajaran *Visual, Auditori and Kinestatik* (VAK), iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestatik. Dalam gaya pembelajaran visual, pelajar cenderung melihat kepada sesuatu teks, warna, gambar, jadual, gambar rajah, carta sama ada dalam buku, di papan putih atau paparan komputer. Pelajar visual lebih mudah mengingat, memahami arahan dan penerangan menerusi pembacaan ayat atau teks. Pembelajaran visual juga lebih cenderung untuk menulis arahan dan penerangan melalui lisan dan tulisan dalam mengingati sesuatu perkara.

Ismail Zain (2009) dalam satu kajian tentang kepentingan peta minda menyatakan bahawa bahan-bahan grafik dan gambar-gambar yang dilukis mampu merangsang pemikiran, memudahkan pemahaman dan mengukuhkan daya ingatan para murid. Menurut Lee Chiong Wee (2012) dalam kajian tentang pembelajaran visual dalam usaha meningkatkan tahap kefahaman murid prasekolah menyatakan bahawa pembelajaran melalui visual menggalakkan murid untuk mengingat apa yang disampaikan oleh guru sekali gus meningkatkan kefahaman mereka terhadap pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, elemen ilustrasi dalam buku teks sewajarnya bertepatan dan bersesuaian dengan kandungan pengajaran agar dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji elemen ilustrasi dari segi fungsi, ciri dan jenis ilustrasi yang digunakan dalam buku teks.

Beberapa penyelidik seperti Evans, Watson dan Wilson (1987) dan Blystone dan Dettling (1990) telah menyatakan ilustrasi berfungsi untuk menyampaikan kandungan pelajaran, murid bukan sahaja boleh memahami ilustrasi tetapi mereka juga melihat bagaimana ilustrasi itu diinterpretasikan serta bagaimana mereka menggunakan ilustrasi dalam memahami kandungan sesuatu pelajaran. Ponyter Institute (2000) menunjukkan 80 peratus pengguna lebih suka melihat ilustrasi terlebih dahulu berbanding 25 peratus suka melihat teks. Tambahan pula, ilustrasi juga merupakan elemen penting dalam kebolehbacaan teks (Janan & Wray, 2014; Wray & Janan, 2013a & 2013b).

Kesimpulannya, penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid masih lagi kurang jelas dan tidak mendapat perhatian. Namun begitu, penerbitan buku teks telah mengalami perkembangan, iaitu Buku Teks KSSM telah digunakan bagi menggantikan buku teks, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang terdahulu. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk meninjau penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu kurikulum baru dan penerimaan elemen ilustrasinya.

Metodologi

Reka bentuk kajian

Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kajian campuran menerusi kaedah kajian tinjauan dan analisis kandungan. Reka bentuk kajian campuran jenis ini dikenali sebagai reka bentuk urutan penjelasan (*sequential explanatory design*), iaitu pengumpulan data kuantitatif terlebih dahulu diikuti dengan pengumpulan data kualitatif bagi mengukuhkan dapatan kajian (Ghazali & Sufean, 2018). Reka bentuk ini dipilih bagi mendapatkan data yang kukuh berkaitan kekerapan penggunaan buku teks serta elemen ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu yang menjadi pilihan guru dan murid tingkatan satu.

Sampel kajian

Kaedah persampelan kajian ini adalah berdasarkan Chua (2020) dan Field (2018), iaitu saiz sampel seramai 30 orang bagi setiap kumpulan adalah memadai untuk melaksanakan analisis statistik. Oleh yang demikian, bagi kaedah tinjauan kekerapan penggunaan buku teks seramai 30 orang guru Bahasa Melayu dan 50 orang murid tingkatan satu telah terlibat dalam kajian ini. Teknik persampelan ‘bola salji’ pula digunakan bagi kaedah analisis dokumen berkaitan penerimaan elemen ilustrasi. Seramai enam orang guru dan lima orang murid telah terlibat dalam kaedah temu bual. Patton (2002) menyatakan bahawa bilangan sampel yang kecil membolehkan pengkaji meneroka sesuatu perkara itu dengan lebih mendalam.

Instrumen kajian dan pengumpulan data

Penyelidikan ini menggunakan dua instrumen kajian, iaitu borang soal selidik dan protokol temu bual yang berasaskan dokumen yang dianalisis, iaitu buku teks tingkatan satu. Soal selidik ini dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan tinjauan literatur dan melalui kesahan pakar. Borang soal selidik dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian (A) terdiri daripada dua konstruk soal selidik kekerapan penggunaan buku teks dan Bahagian (B) konstruk soal selidik elemen ilustrasi buku teks Bahasa Melayu. Elemen ilustrasi yang difokuskan dalam bahagian ini ialah ciri-ciri, jenis-jenis dan fungsi ilustrasi dalam buku teks Bahasa Melayu. Penstrukturran borang soal selidik juga disusun secara sistematik dan dilengkapi dengan pilihan jawapan mengikut skala Likert empat mata, iaitu *Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Setuju* dan *Sangat Setuju*. Seterusnya, dapatan kualitatif diperoleh melalui kaedah temu bual separa struktur. Temu bual separa struktur dijalankan untuk memperoleh maklumat yang diperlukan oleh pengkaji secara bersempena dengan informan dan lebih memfokuskan kepada tujuan kajian (Ritchie & Lewis, 2003). Tambahan pula, soalan separa struktur memberi panduan kepada penyelidik untuk melaksanakan sesi temu bual dengan lebih terancang (Braun & Clarke, 2019).

Prosedur penganalisisan data

Data kuantitatif kajian ini dianalisis menggunakan perisian statistik, iaitu *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 20.0. Analisis statistik digunakan untuk memaparkan data secara deskriptif menggunakan prosedur kekerapan dan peratusan seterusnya dibentangkan dalam bentuk rajah dan jadual. Selain itu, perisian *AntConc* turut digunakan bagi memudahkan penganalisisan data temu bual dengan menggunakan analisis kata. Alat ini berfungsi untuk menjumlahkan semua perkataan dalam korpus dan ditunjukkan dalam senarai tertib. Alat ini membantu dalam mencari kekerapan penggunaan sesuatu perkataan dalam teks selepas transkripsi temu bual dipindahkan dalam bentuk verbatim yang digunakan untuk menganalisis dapatan kajian.

Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian ini dihursti berpandukan objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu mengenal pasti kekerapan penggunaan dan menganalisis elemen ilustrasi buku teks Bahasa Melayu, KSSM yang menjadi pilihan guru dan murid tingkatan satu. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu KSSM adalah pada tahap memuaskan. Selain itu, dapatan kajian kedua menunjukkan elemen ilustrasi mendorong murid menggunakan buku teks semasa sesi pembelajaran.

Objektif Pertama: Kekerapan Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu KSSM dalam Kalangan Guru dan Murid Tingkatan Satu

Soal selidik telah dijalankan ke atas 30 orang guru Bahasa Melayu dan 50 orang murid tingkatan satu di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Soal selidik ini mengandungi 10 item dan dianalisis menggunakan prosedur kekerapan dan peratusan.

Jadual 1. Kekerapan Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu dalam Kalangan Guru

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
B1	Saya menggunakan buku teks hanya sekali dalam seminggu.	4 (13.3)	19 (63.3)	6 (20.0)	1 (3.3)
B2	Saya menggunakan buku teks sebanyak dua kali dalam seminggu.	2 (6.7)	20 (66.7)	8 (26.7)	0 (0.0)
B3	Saya menggunakan buku teks sebanyak tiga kali dalam seminggu.	5 (16.7)	11 (36.7)	12 (40.0)	2 (6.7)
B4	Saya menggunakan buku teks setiap kali mengajar Bahasa Melayu	6 (20.0)	5 (16.7)	17 (56.7)	2 (6.7)
B5	Saya tidak pernah menggunakan buku teks Bahasa Melayu.	24 (80.0)	5 (16.7)	0 (0.0)	1 (3.3)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 1 menunjukkan 63.4 peratus guru setuju bahawa mereka menggunakan buku teks setiap kali mengajar Bahasa Melayu. Seterusnya, hanya 3.3 peratus sahaja guru yang tidak pernah menggunakan buku teks dalam pengajaran. Dapatkan ini berbeza dengan dapatan kajian Marohaini Yusoff, Abdul Murad Salleh dan Shahrir Jamaluddin (2005) yang menyatakan hanya sebahagian guru dan murid sahaja yang masih menggunakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) secara kerap dan sangat kerap. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan peratusan penggunaan buku teks dalam kalangan guru hanya 45.8 peratus. Menurut Abdul Murad Salleh et al, (2005) lagi, kekerapan penggunaan buku teks dalam kalangan guru didapati semakin merosot. Kajian Abdul Rahman Md Aroff dan Abdul Aziz Zakaria (1989) mendapati 53.6 peratus guru menggunakan buku teks sepenuhnya, tetapi peratus ini telah menurun kepada 38.9 peratus dalam kajian Zulkifli A. Manaf (1995). Malahan kajian oleh Abd Majid Mohd Isa et al, (1999) merumuskan bahawa guru menganggap buku teks hanya sebagai sumber kedua pengajaran mereka. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid adalah pada tahap yang memuaskan.

Jadual 2. Kekerapan Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tingkatan Satu

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
MB1	Saya menggunakan buku teks hanya sekali dalam seminggu.	24 (48.0)	14 (28.0)	10 (20.0)	2 (4.0)
MB2	Saya menggunakan buku teks sebanyak dua kali dalam seminggu.	15 (30.0)	22 (44.0)	11 (22.0)	2 (4.0)
MB3	Saya menggunakan buku teks sebanyak tiga kali dalam seminggu.	8 (16.0)	26 (52.0)	10 (20.0)	6 (12.0)
MB4	Saya menggunakan buku teks setiap kali belajar mata pelajaran Bahasa Melayu.	7 (14.0)	14 (28.0)	18 (36.0)	11 (22.0)
MB5	Saya tidak pernah menggunakan buku teks Bahasa Melayu.	37 (74.0)	8 (16.0)	4 (8.0)	1 (2.0)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 2 menunjukkan 58 peratus murid setuju bahawa mereka menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu setiap kali belajar. Seterusnya, dapatkan menunjukkan hanya 10 peratus sahaja murid yang tidak pernah menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu. Dapatkan kajian ini berbeza dengan dapatkan kajian Mas Ayu (2003) yang mengkaji kewajaran penggunaan buku teks di Sekolah Bestari. Dapatkan kajian beliau menunjukkan status buku teks sebagai rujukan utama pelajar di Sekolah Bestari adalah pada tahap tidak memuaskan. Dapatkan kajian Mas Ayu (2003) terhadap 233 orang murid di Sekolah Bestari menunjukkan hanya 80 (34.3%) orang murid sahaja yang setuju bahawa buku teks adalah bahan rujukan bercetak pilihan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Tambah Mas Ayu (2003) lagi buku teks Matematik adalah buku teks yang paling relevan digunakan dan diikuti mata pelajaran Sains. Buku teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris didapati kurang relevan dan di Sekolah Bestari yang langsung tidak mempunyai buku teks tersebut. Dapatkan kajian ini juga bertentangan dengan dapatkan kajian Wan Fatimah Mohd (2000) yang menyatakan penggunaan buku teks oleh murid dalam pembelajaran lebih ketara bagi mata pelajaran tertentu sahaja seperti Sejarah, Matematik dan Matematik Tambahan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu dalam kalangan murid adalah pada tahap yang memuaskan.

Jadual 3. Kekerapan Penggunaan Buku Teks dalam Pengajaran Berdasarkan Kemahiran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
B6	Saya menggunakan buku teks semasa mengajar pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur.	(0.0)	10 (33.3)	18 (60.0)	2 (6.7)
B7	Saya menggunakan buku teks mengajar kemahiran membaca.	(0.0)	7 (23.3)	18 (60.0)	5 (16.7)
B8	Saya menggunakan buku teks semasa mengajar kemahiran menulis.	(10.0)	9 (30.0)	16 (53.3)	2 (6.7)
B9	Saya menggunakan buku teks semasa mengajar aspek seni bahasa.	(3.3)	13 (43.3)	14 (46.7)	2 (6.7)
B10	Saya menggunakan buku teks semasa mengajar aspek tatabahasa.	(6.7)	6 (20.0)	20 (66.7)	2 (6.7)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 3 menunjukkan peratusan tertinggi guru menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu adalah semasa pengajaran kemahiran membaca, iaitu sebanyak 76 peratus. Manakala semasa pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa menunjukkan kekerapan penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu adalah melebihi 50 peratus. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa guru turut menggunakan buku teks semasa pengajaran kemahiran bahasa yang terdapat dalam DSKP.

Jadual 4. Kekerapan Penggunaan Buku Teks Berdasarkan Pembelajaran Kemahiran dalam DSKP

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
MB6	Saya menggunakan buku teks semasa belajar kemahiran mendengar dan bertutur.	2 (4.0)	11 (22.0)	31 (62.0)	6 (12.0)
MB7	Saya menggunakan buku teks semasa belajar kemahiran membaca.	2 (4.0)	7 (14.0)	30 (60.0)	11 (22.0)
MB8	Saya menggunakan buku teks semasa belajar kemahiran menulis.	6 (12.0)	11 (22.0)	26 (52.0)	7 (14.0)
MB9	Saya menggunakan buku teks semasa belajar aspek seni bahasa.	7 (14.0)	18 (36.0)	20 (40.0)	5 (10.0)
MB10	Saya menggunakan buku teks semasa belajar aspek tatabahasa.	4 (8.0)	7 (14.0)	26 (52.0)	13 (26.0)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 4 menunjukkan peratusan setuju yang tertinggi adalah semasa belajar kemahiran membaca dengan peratusan sebanyak 88 peratus. Walau bagaimanapun, penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu dalam kemahiran lain seperti kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa menunjukkan kekerapan penggunaan yang melebihi 50 peratus bagi setiap kemahiran. Dapatkan ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Kamarulzaman Abdul Ghani (2011) terhadap kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Sekolah Menengah Agama yang mendapati buku teks tidak sesuai dan sukar digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembacaan bebas oleh murid sasaran. Oleh itu, penilaian semula terhadap kesesuaian reka bentuk buku teks adalah perlu ke arah perlaksanaan inovasi dan kreativiti dalam buku teks pada masa hadapan sejajar dengan perkembangan sistem pendidikan negara. Hal ini penting bagi memastikan buku teks yang dihasilkan pada hari ini mampu menembusi keperluan global dan merentasi masa di samping memenuhi falsafah yang digubal berdasarkan keperluan dan latar budaya serta masyarakat yang berbeza-beza (Hamed, 2007).

Objektif Kedua: Elemen Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu yang Menjadi Pilihan Guru dan Murid Tingkatan Satu

Objektif kedua kajian ini adalah untuk menganalisis elemen ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu yang menjadi pilihan guru dan murid tingkatan satu. Pengkaji mengambil kira tiga elemen ilustrasi dalam buku teks, iaitu ciri-ciri, jenis-jenis dan fungsi-fungsi ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu.

Jadual 5. Ciri-Ciri Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu Pilihan Guru

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
C1	Saya menggunakan buku teks kerana terdapat pelbagai jenis ilustrasi dan grafik seperti gambar, rajah, jadual dan komik.	0 (0.0)	2 (6.7)	16 (53.3)	12 (40.0)
C2	Saya menggunakan buku teks kerana saiz dan jenis tulisan dalam buku teks dapat memberi penekanan yang berbeza terhadap sesuatu topik pembelajaran.	0 (0.0)	2 (6.7)	22 (73.3)	6 (20.0)

C3	Saya menggunakan buku teks kerana gabungan warna ilustrasi dan grafik dalam buku teks menjadikan buku teks lebih menarik.	0 (0.0)	3 (10.0)	18 (60.0)	9 (30.0)
C4	Saya menggunakan buku teks kerana reka letak ilustrasi dan grafik disusun secara teratur dan kemas.	0 (0.0)	3 (10.0)	19 (63.3)	8 (26.7)
C5	Saya menggunakan buku teks kerana ilustrasi dan grafik dalam buku teks bersesuaian dengan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.	0 (0.0)	3 (10.0)	19 (63.3)	8 (26.7)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 5 menunjukkan 93.3 peratus guru setuju bahawa mereka menggunakan buku teks kerana terdapat pelbagai jenis ilustrasi seperti gambar, rajah, jadual dan komik. Manakala bagi tidak setuju terhadap ciri-ciri di atas adalah kurang daripada 30 peratus. Dapatkan ini disokong dengan pernyataan KPM (2011) dalam Spesifikasi Buku Teks Pendidikan Islam yang menyatakan bahawa bahan grafik hendaklah disesuaikan dengan kehendak buku teks berkenaan seperti ilustrasi, lukisan, catan, gambar foto, peta, jadual, carta dan lain-lain. Ilustrasi yang disediakan perlulah mantap dari segi kandungan, bentuk, perspektif, warna, berfokus, logik, berkualiti dan tidak padat. Persembahan ilustrasi boleh dipelbagaikan dengan menggunakan teknik-teknik seperti sudut pandangan, teknik-teknik persempahanan dan teknik persempahanan halaman. Jelaslah bahawa dapatan kajian menunjukkan kepelbagaian jenis ilustrasi dan grafik, reka bentuk tulisan, gabungan warna, reka letak dan kesesuaian ilustrasi dan grafik dengan buku teks ini mendorong guru dan murid untuk menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu.

Jadual 6. Ciri-Ciri Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu Pilihan Murid Tingkatan Satu

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
C1	Saya menggunakan buku teks kerana terdapat pelbagai jenis ilustrasi dan grafik seperti gambar, rajah, jadual dan komik.	0 (0.0)	5 (10.0)	21 (42.0)	24 (48.0)
C2	Saya menggunakan buku teks kerana saiz dan jenis tulisan dalam buku teks dapat memberi penekanan yang berbeza terhadap sesuatu topik pembelajaran.	0 (0.0)	11 (22.0)	36 (72.0)	3 (6.0)
C3	Saya menggunakan buku teks kerana gabungan warna ilustrasi dan grafik dalam buku teks menjadikan buku teks lebih menarik.	0 (0.0)	5 (10.0)	27 (54.0)	18 (36.0)
C4	Saya menggunakan buku teks kerana reka letak ilustrasi dan grafik disusun secara teratur dan kemas.	1 (2.0)	6 (12.0)	26 (52.0)	17 (34.0)
C5	Saya menggunakan buku teks kerana ilustrasi dan grafik dalam buku teks bersesuaian dengan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.	0 (0.0)	5 (10.0)	30 (60.0)	15 (30.0)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 6 menunjukkan 90 peratus murid setuju bahawa mereka menggunakan buku teks kerana terdapat pelbagai jenis ilustrasi seperti gambar, rajah, jadual dan komik. Manakala bagi murid yang tidak setuju terhadap ciri-ciri di atas adalah kurang daripada 30 peratus. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kepelbagaian jenis ilustrasi dan grafik, reka bentuk tulisan, gabungan warna, reka letak dan kesesuaian ilustrasi dan grafik dengan buku teks ini mendorong guru dan murid untuk menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu. Dapatkan ini disokong dengan kenyataan Md Sidin Ahmad Ishak (2014) yang menyatakan ilustrasi dan teks dalam buku teks perlu ada elemen kreatif seperti huruf, imej, warna, reka letak dan

komposisi supaya dapat diolah untuk menyampaikan kandungan pelajaran. Ghazali dan Azizul (2004) menyatakan ilustrasi disebut juga gambar dan lukisan bersama teks. Kepelbagaiannya jenis-jenis ilustrasi dalam buku teks menjadikannya lebih berinformasi dan membantu pembaca memahami isi kandungan. Menurut Mus Chairil (2000), murid akan “membaca” visual terlebih dahulu sebelum membaca teks.

Jadual 7. Jenis-Jenis Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu Pilihan Guru

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
CB1	Kepelbagaiannya peta minda dalam buku teks dapat mengembangkan idea dalam sesuatu topik pembelajaran.	0 (0.0)	0 (0.0)	21 (70.0)	9 (30.0)
CB2	Lukisan yang terdapat dalam buku sesuai dengan topik dan kandungan pembelajaran.	0 (0.0)	1 (3.3)	14 (46.7)	15 (50.0)
CB3	Gambar sebenar dalam buku teks dapat memudahkan murid menginterpretasi maklumat.	0 (0.0)	1 (3.3)	19 (63.3)	10 (33.3)
CB4	Gambar rajah dalam buku teks dapat menjana idea murid dalam sesuatu topik.	0 (0.0)	0 (0.0)	20 (66.7)	10 (33.3)
CB5	Graf dalam buku teks dapat memudahkan murid membuat perbandingan sesuatu topik.	0 (0.0)	2 (6.7)	19 (63.3)	9 (30.0)
CB6	Komik dalam buku teks membuatkan pembelajaran lebih kreatif dan menarik.	0 (0.0)	0 (0.0)	15 (50.0)	15 (50.0)
CB7	Jadual dalam buku teks dapat membantu mengemukakan idea secara terancang dan teratur.	0 (0.0)	0 (0.0)	23 (76.7)	7 (23.3)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 7 menunjukkan elemen ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu yang menjadi pilihan guru adalah kerana kepelbagaiannya jenis ilustrasi seperti peta minda, lukisan, gambar sebenar, gambar rajah dan komik yang menunjukkan 100 peratus guru setuju terhadap pernyataan ini. Peratusan terendah ialah ilustrasi jenis graf dan jadual. Walau bagaimanapun, graf dan jadual masih lagi menjadi pilihan guru dengan peratusan setuju sebanyak 93.3 peratus. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kepelbagaiannya jenis-jenis ilustrasi dalam Buku Teks Bahasa Melayu mempengaruhi penggunaannya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Dapatkan mengenai gambar rajah dapat menjana idea murid ini turut disokong oleh kajian Rosniah Mustaffa (2007) yang menyatakan pelajar visual, iaitu mereka yang gemar belajar dengan melihat maklumat baru yang dipelajari itu sama ada dalam bentuk gambar rajah atau grafik. Mereka juga boleh menggambarkan apa yang dibaca atau dilihat sebelumnya. Di sini, pembelajaran visual dapat membantu murid untuk mengaitkan sesuatu yang telah dipelajari dengan bahan sebelumnya. Ini dapat meningkatkan tahap kefahaman mereka terhadap pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan. Pembelajaran visual yang menarik juga dapat mempercepat daya serap murid dalam memahami pelajaran yang disampaikan.

Jadual 8. Jenis-Jenis Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu Pilihan Murid Tingkatan Satu

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS

CB1	Kepelbagaian peta minda dalam buku teks dapat mengembangkan idea dalam sesuatu topik pembelajaran.	0 (0.0)	5 (10.0)	21 (42.0)	24 (48.0)
CB2	Lukisan yang terdapat dalam buku sesuai dengan topik dan kandungan pembelajaran.	1 (2.0)	3 (6.0)	26 (52.0)	20 (40.0)
CB3	Gambar sebenar dalam buku teks dapat memudahkan murid menginterpretasi maklumat.	1 (2.0)	4 (8.0)	20 (40.0)	25 (50.0)
CB4	Gambar rajah dalam buku teks dapat menjana idea saya dalam sesuatu topik.	0 (0.0)	3 (6.0)	28 (56.0)	19 (38.0)
CB5	Graf dalam buku teks dapat memudahkan saya membuat perbandingan sesuatu topik.	2 (4.0)	14 (28.0)	23 (46.0)	11 (22.0)
CB6	Komik dalam buku teks membuatkan pembelajaran lebih kreatif dan menarik.	1 (2.0)	3 (6.0)	15 (30.0)	31 (62.0)
CB7	Jadual dalam buku teks dapat membantu saya mengemukakan idea secara terancang dan teratur.	1 (2.0)	5 (10.0)	31 (62.0)	13 (26.0)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 8 menunjukkan kepelbagaian jenis ilustrasi dan grafik dalam buku teks seperti peta minda, lukisan, gambar sebenar, gambar rajah dan komik menunjukkan peratusan setuju tertinggi, iaitu melebihi 90 peratus. Peratusan terendah ialah graf dan jadual. Walau bagaimanapun graf dan jadual masih lagi menjadi pilihan murid dengan peratusan setuju melebihi 50 peratus. Oleh yang demikian, dapatan menunjukkan kepelbagaian jenis-jenis ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu mempengaruhi penggunaan dalam kalangan murid tingkatan satu. Ena Bhattacharya dan Ameri (2014) dalam kajian berkaitan gaya pembelajaran dan kesannya dalam kalangan pelajar peringkat pengajian tinggi mendapati pelajar ini lebih cenderung mengamalkan gaya pembelajaran visual seperti penggunaan gambar, membuat nota dan melihat peta atau gambar rajah. Nurliah Jair (2009) pula melaporkan komponen grafik seperti peta minda mampu memandu pelajar kepada bahan pembelajaran di samping mempertingkatkan penglibatan dan tahap kefahaman mereka

Jadual 9. Fungsi-Fungsi Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu Pilihan Guru

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
CC1	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks menarik minat murid semasa sesi pembelajaran.	0 (0.0)	0 (0.0)	15 (50.0)	15 (50.0)
CC2	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks memudahkan murid memahami sesuatu maklumat semasa sesi pengajaran.	0 (0.0)	1 (3.3)	14 (46.7)	15 (50.0)
CC3	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks dapat memberi gambaran awal tentang sesuatu topik pembelajaran.	0 (0.0)	0 (0.0)	19 (63.3)	11 (36.7)
CC4	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks berfungsi untuk menyokong kandungan teks.	0 (0.0)	0 (0.0)	20 (66.7)	10 (33.3)
CC5	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks memudahkan murid untuk mengingat sesuatu maklumat.	0 (0.0)	4 (13.3)	17 (56.7)	9 (30.0)
CC6	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks dapat memotivasi murid untuk belajar mata pelajaran Bahasa Melayu.	0 (0.0)	3 (10.0)	17 (56.7)	10 (33.3)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 9 menunjukkan 100 peratus guru setuju bahawa ilustrasi dapat menarik perhatian murid, dapat memberi gambaran awal dan berfungsi untuk menyokong kandungan pengajaran. Seterusnya guru yang setuju bahawa ilustrasi dapat memudahkan pengajaran, mengukuhkan ingatan murid dan memotivasi murid adalah melebihi 80 peratus. Kajian mengenai fungsi ilustrasi dan grafik dalam buku teks ini bersamaan dengan kajian oleh Tomlinson dan Leynach-Brown (1996) dan Bodmer (1992) yang menyatakan fungsi ilustrasi adalah sebagai satu bahan menyeronokkan, untuk memahami cerita, untuk menerangkan, mentafsir atau menghiasi teks. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa ilustrasi memainkan peranan penting terhadap penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 10. Fungsi-Fungsi Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu Pilihan Murid Tingkatan Satu

Item	Pernyataan	Kekerapan dan peratusan (%)			
		STS	TS	S	SS
CC1	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks menarik minat saya semasa sesi pembelajaran.	0 (0.0)	1 (2.0)	30 (60.0)	19 (38.0)
CC2	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks memudahkan saya memahami sesuatu maklumat semasa sesi pembelajaran.	0 (0.0)	4 (8.0)	27 (54.0)	19 (38.0)
CC3	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks dapat memberi gambaran awal tentang sesuatu topik pembelajaran.	0 (0.0)	10 (20.0)	27 (54.0)	13 (26.0)
CC4	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks berfungsi untuk menyokong kandungan teks.	0 (0.0)	6 (12.0)	29 (58.0)	15 (30.0)
CC5	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks memudahkan saya untuk mengingat sesuatu maklumat.	1 (2.0)	7 (14.0)	22 (44.0)	20 (40.0)
CC6	Ilustrasi dan grafik dalam buku teks dapat memotivasi saya untuk belajar mata pelajaran Bahasa Melayu.	2 (4.0)	3 (6.0)	30 (60.0)	15 (30.0)

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

Jadual 10 menunjukkan bilangan peratusan murid setuju fungsi-fungsi ilustrasi dalam Buku Teks Bahasa Melayu adalah melebihi 80 peratus bagi setiap pernyataan. Tambahan pula, bagi pernyataan ilustrasi dapat menarik minat murid semasa sesi pembelajaran menunjukkan bilangan setuju tertinggi, iaitu 98 peratus. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa ilustrasi memainkan peranan penting terhadap penggunaan buku teks Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan ini disokong oleh kajian Yahya Othman dan Azmey Othman (2012) yang mengatakan bahawa bahan pengajaran yang berbentuk visual bukan sahaja memudahkan para murid mengingat idea-idea penting malahan turut memudahkan murid menghuraikannya. Seterusnya, dapatkan ini juga menyokong kajian Ponyter Institute (2000) yang mendapati 80 peratus pengguna lebih suka melihat ilustrasi terlebih dahulu berbanding 25 peratus suka melihat teks.

Pandangan Guru terhadap Elemen Ilustrasi Buku Teks Bahasa Melayu KSSM

Pengkaji telah menjalankan temu bual terhadap enam orang guru Guru Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatkan kajian, informan memberikan maklum balas yang positif terhadap elemen ilustrasi dalam buku teks Bahasa Melayu.

“OK, dalam buku teks KSSM, ilustrasi dia sangat menarik, ok sangat membantu dan penuh dengan warna-warni memang pelajar suka lah kalau saya suruh buka buku teks tu.”

(GBM01)

“Emm bila kita bandingkan dengan yang lama memang saya rasa sangat bagus, ilustrasi dan grafik ada. Memanglah ada sesetengah pendapat macam rasa itu komik, buku teks ini adalah bahan ilmiah, tak perlu ada gambar rajah dan sebagainya, tetapi bagi saya ini kita punya target ialah pelajar di mana pelajar memang dekat sangat gambar rajah, memang itu adalah dia punya sifat. Oleh itu, pelajar juga, sepanjang saya mengajar saya rasa pelajar juga mudah faham dan mudah boleh gambarkan bila melihat ilustrasi tersebut.”

(GBM02)

“Dari segi ilustrasi, ia bergantung kepada pelajar, tapi kebanyakan ilustrasi dan grafik ini memang sebenarnya sangat membantu, Cuma ia bergantung kepada tahap pelajar itu sendiri di mana mereka boleh mentafsir, boleh menterjemah ataupun mereka hanya boleh melihat kosong. Dari gambar yang dilihat, kadangkala boleh mencetus idea. Jadi, bagus ilustrasi dan grafik ini pada pendapat saya. Jika dalam buku teks terlalu banyak maklumat, di mana kemahiran pelajar kita nak korek? Jadi bila dengan meletakkan gambar ini, idea, cetusan idea, pandangan daripada pelajar itulah KBAT sebenarnya yang kita nak dapatkan dalam kelas, ketika kita cuma beri satu gambar tetapi idea daripada pelajar itu sebenarnya melebihi daripada buku teks yang perkara yang dicatatkan dalam buku teks.”

(GBM03)

“OK, bagi saya, buku teks perlu berwarna-warni untuk menarik minat pelajar dan gambar yang diberi yang ditunjukkan perlulah gambar yang sebenar supaya mereka mendapat gambaran yang sebenar. Contohnya apabila nak membuat karangan di tepi pantai, tunjukkan gambar sebenar di tepi pantai kerana ada juga dalam kalangan kita ini tidak bernasib baik dan tidak pernah pergi ke tepi pantai.”

(GBM04)

“Bagi saya sekarang, buku teks yang sekarang ini, dia lebih banyak ilustrasi semua itu kan jadi lebih menarik minat pelajar, tapi sekarang buku teks itu menjadi sedikit bebanan bagi pelajar sebab bila suruh pelajar keluarkan dia tak bawa. Itulah salah satu masalah, jadi kalau ikutkan buku teks sekarang lebih menariklah dari sebelum ini kan sebab dia dah banyak gambar rajah apa semua.”

(GBM05)

“Pada pendapat saya, ilustrasi dan grafik yang terdapat dalam buku teks boleh dikatakan menarik jugalah menarik pelajar dan guru untuk menggunakan buku teks.”

(GBM06)

Dari sudut pandangan guru terhadap elemen ilustrasi dan grafik dalam buku teks pula, pengkaji mendapati guru memberikan pandangan yang positif terhadap ilustrasi dan grafik yang dalam Buku Teks Bahasa Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan ilustrasi dan grafik bukan sahaja dapat menarik perhatian murid untuk menggunakan buku teks malah dapat membantu kefahaman murid. Tambahan pula, menurut informan ilustrasi dan grafik dapat memberi kesan yang mendalam dan dapat memberi gambaran yang sebenar. Melalui ilustrasi dan grafik dalam buku teks ini juga, guru dapat memperoleh bahan tambahan untuk pengajaran.

Berdasarkan dapatan temu bual, guru mengatakan melalui ilustrasi dan grafik dalam buku teks dapat mencetuskan idea murid malahan melalui gambar yang ditunjukkan dapat mencungkil pemikiran KBAT dalam kalangan murid. Tambahan lagi, melalui gambar yang ditunjukkan murid dapat mengemukakan idea yang melebihi daripada teks yang terdapat dalam buku teks. Guru juga berpendapat ilustrasi dalam buku teks ini membantu kefahaman murid kerana murid mendapat gambaran sebenar mengenai sesuatu topik pembelajaran. Melalui ilustrasi dan grafik dalam buku teks juga dapat memfokuskan lagi sesuatu topik pengajaran guru pada satu-satu masa. Dapatkan juga menunjukkan kefahaman murid terhadap ilustrasi dan grafik adalah bergantung kepada tahap pengetahuan murid. Hal ini bermaksud paparan ilustrasi bergantung kepada tahap murid itu sendiri bagaimana murid boleh mentafsir, menterjemah atau hanya melihat kosong terhadap satu-satu ilustrasi dan grafik.

Pandangan Murid Tingkatan Satu terhadap Buku Teks Bahasa Melayu KSSM

Bagi menyokong dapatan soal selidik tentang kekerapan penggunaan buku teks Bahasa Melayu, pengkaji telah menjalankan temu bual ke atas lima orang murid tingkatan satu. Pemilihan murid tingkatan satu untuk ditemu bual dipilih secara rawak dari beberapa buah sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Data menunjukkan maklum balas yang positif terhadap penggunaan buku teks. Murid menggunakan buku teks Bahasa Melayu semasa di dalam bilik darjah mahupun untuk mengulang kaji pelajaran di rumah.

“Ya saya guna. Empat kali. Erm, kat rumah saya guna untuk buat revision, dekat sekolah apabila cikgu mengajar, saya akan gunakan buku teks. Menarik perhatian saya bila buka buku teks. Untuk memahami sesuatu, lebih senang untuk kita faham. Erm, komik, peta minda. Contoh bila teks ucapan, ada juga gambar ucapan. Ada juga komik bila baca ada juga ucapan.”

(MTS01)

“Guna. Bukan selalu, kadang-kadang. Dalam seminggu dua kali. Boleh membantu. Dia memberi idea.”

(MTS02)

“Di rumah saya akan baca buku teks. Kerana boleh bagi bahasa Melayu saya lebih baik. Saya paling suka, Er, nombor satu, gambar itu macam ada warna-warni, macam tu menarik minat kita untuk suka baca, lepastu buku tu ada informasi yang baik, so, saya suka baca.”

(MTS03)

“Kadang-kadanglah. Suka. Dialog komik, temu bual dalam buku teks.”

(MTS04)

“Sometimes. Empat kali. Suka baca, suka tengok gambar. Paling suka gambar.”

(MTS05)

Berdasarkan analisis temu bual bersama murid, pengkaji mendapati terdapat penggunaan buku teks dalam kalangan murid. Buku teks Bahasa Melayu dapat membantu kefahaman murid untuk menguasai subjek Bahasa Melayu dengan lebih baik. Ilustrasi yang diikuti dengan penerangan akan memudahkan pengajaran guru dan membantu kefahaman murid. Hal ini selaras dengan kenyataan Ismail Zain (2009) yang menyatakan bahawa bahan-bahan grafik dan gambar-gambar yang dilukis mampu merangsang pemikiran, memudahkan pemahaman dan mengukuhkan daya ingatan para murid. Menurut Lee Chiong Wee (2012) pembelajaran melalui visual juga menggalakkan murid untuk mengingat apa yang disampaikan oleh guru sekali gus meningkatkan kefahaman mereka terhadap pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah.

Seterusnya, murid berpandangan ilustrasi dan grafik dalam buku teks dapat menarik perhatian, senang untuk memahami sesuatu, membantu memberi idea, membantu penggunaan bahasa Melayu yang lebih baik dan ada informasi yang baik. Selain itu, kandungan yang sukar yang diterjemah dalam bentuk ilustrasi membantu murid memahami kandungan pelajaran dan menarik minat murid untuk belajar. Menurut Rosniah Mustaffa (2007), pelajar yang cenderung dengan penggunaan visual adalah mereka yang gemar belajar dengan melihat maklumat baru yang dipelajari itu sama ada dalam bentuk gambar rajah atau grafik. Mereka juga boleh menggambarkan apa yang dibaca atau dilihat sebelumnya. Hal ini membuktikan bahawa pembelajaran visual dapat membantu murid untuk mengaitkan sesuatu yang telah dipelajari dengan bahan sebelumnya. Ini menunjukkan elemen ilustrasi berupaya meningkatkan tahap kefahaman mereka terhadap pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan. Visual yang menarik dapat mempercepat daya serap murid dalam memahami pelajaran yang disampaikan.

Greene dan Petty (1985) turut berpendapat bahawa ilustrasi yang berwarna dan menarik yang bertaburan dalam buku menambah minat kepada persembahan, boleh menjadi alat motivasi yang penting. Menurut Jamila Mohd, Ooi Guan Lee dan Kitade Rie (2017) dalam kajian Buku Teks Bahasa Jepun, KBSM, bagi menjadikan buku teks lebih menarik dan mudah difahami, banyak foto dan ilustrasi diperlukan. Sehubungan itu, ilustrasi mestilah berfungsi dan sesuai dengan konsep serta peringkat umur murid dengan menggunakan elemen-elemen yang disukai murid seperti kartun, pemilihan warna yang sesuai, ceria dan terkini.

Dari aspek ilustrasi dalam buku teks, guru mengatakan kefahaman murid terhadap ilustrasi adalah bergantung kepada tahap murid. Hal ini bermaksud ilustrasi bergantung kepada murid itu sendiri bagaimana mereka boleh mentafsir, menterjemah atau hanya melihat kosong terhadap satu-satu ilustrasi. Menurut Nur Idayu Yusi (2017), terdapat segolongan murid yang lemah dalam menginterpretasi bahan dan teks visual sehingga gagal menterjemahkan maksud yang ingin disampaikan secara tepat. Mohd. Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj dan Zaharah Hussain (2013) menjelaskan penyediaan buku teks yang kurang sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar-pelajar mungkin boleh menghilangkan minat dan motivasi mereka untuk mendalami sesuatu bahasa. Sehubungan itu, dapatan ini membuktikan bahawa ilustrasi dalam buku merupakan aspek penting yang berupaya mempengaruhi pembelajaran murid.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan dan penerimaan elemen ilustrasi dalam buku teks Bahasa Melayu yang menjadi pilihan guru dan

murid tingkatan satu. Dapatan kajian membuktikan bahawa sememangnya terdapat penggunaan buku teks walaupun bagaimanapun kekerapan penggunaan adalah pada tahap memuaskan sahaja. Seterusnya, analisis elemen ilustrasi menunjukkan bahawa ciri-ciri, jenis-jenis dan fungsi-fungsi ini memainkan peranan penting dalam mendorong guru dan murid menggunakan buku teks sebagai bahan rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa penggunaan buku teks Bahasa Melayu, KSSM adalah pada tahap memuaskan sahaja meskipun dapatan menunjukkan elemen ilustrasi mendorong guru dan murid menggunakan buku teks. Implikasinya, masih terdapat ruang untuk menambah baik pembangunan buku teks agar kekerapan penggunaannya mencapai tahap yang baik.

Kajian lanjutan boleh dilakukan berpandukan kajian ini adalah dengan meneliti sama ada penggunaan buku teks ini digunakan secara menyeluruh di peringkat menengah rendah dan menengah atas. Kajian yang dijalankan ini hanya melihat kepada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Satu sahaja. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian mengenai buku teks tingkatan dua hingga tingkatan lima juga dijalankan pada masa akan datang. Tambahan pula, bermula tahun 2020, Buku Teks Bahasa Melayu, KSSM mula digunakan di peringkat menengah atas. Selain itu, kajian yang dijalankan ini turut terbatas kepada elemen ilustrasi dalam buku teks KSSM sahaja. Sehubungan itu, pengkaji pada masa akan datang dicadangkan agar menjalankan kajian dalam aspek lain misalnya dari aspek kandungan, latihan dan persembahan. Tambahan pula, buku teks KSSM ini baharu sahaja digunakan. Lantaran itu, kajian mengenai buku teks ini haruslah dikaji dari pelbagai aspek. Selain itu, pengubal buku teks boleh manfaatkan data kajian ini berkaitan elemen ilustrasi seperti ciri-ciri, jenis-jenis dan fungsi-fungsi dalam proses membangunkan buku teks. Akhir sekali, guru dan murid haruslah diberi galakan yang sewajarnya agar lebih proaktif menggunakan buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Penghargaan

Penyelidikan ini adalah sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SS109/UPSI/02/9) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang membantu menguruskan geran tersebut.

Rujukan

- Abd. Majid Mohd Isa, Abd Rahman Md. Aroff, Aida Suraya Md Yunus, Mohd Ibrahim Nazri, Ramlah Hamzah & Rosini Abu. (1999). *Keberkesanan sistem pinjaman buku SPBT terhadap pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan PMR dan SPM* (Laporan kajian yang tidak diterbitkan). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Buku Teks.
- Abd. Rahman Aroff & Abd Aziz Zakaria. (1989). *Evaluation of the textbooks loan scheme* (Laporan kajian yang tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia: Fakulti Penyelidikan Pendidikan.
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2017). Kepentingan kebolehbacaan buku teks dalam dunia pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 25-40.
- Benavot, A., & Jere, C. (2016). *Gender bias is rife in textbooks*. Diperoleh daripada <https://gemreportunesco.wordpress.com/2016/03/08/gender-bias-is-rife-intextbooks/>
- Blystone, R. V., & Detling, B. C. (1990). *Visual literacy in science textbooks*. In M. B. Rowe (Ed.), *What research says to the science teacher—the process of knowing*. Washington, DC: Notional Science Teachers Association.
- Bodmer, G. R. (1992). *Approaching the illustrated text*. In G.E. Sadler (Ed.), *Teaching children's literature: Issues, pedagogy, resources*. NY: The Modern Language Association of America.
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589-597.
- Chua Yan Piaw. (2020). *Mastering Research Method (3rd ed)*. McGraw-Hill.
- De Porter B., Mark Reardon & Sarah Singer-Nourie. (2010). *Quantum teaching: Mempraktikkan quantum learning di ruang-ruang kelas*. Bandung: Kaifa.
- Ena Bhattacharyya and Ameri Bin Mohd Sarip @ Shariff (2014). Learning Style and Its Impact in Higher Education and Human Capital Needs. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, (123), 485 – 494.
- Evan, M., Watson, C. & Willows, D. (1987). A naturalistic inquiry into illustration in instructional textbooks. Dalam D. M, Willows & H. A Houghton, *The Psychology of Illustration*, 2, 1-50. New York: Springer Verla
- Field, A. (2018). *Discovering statistic using IBM SPSS statistic (5th revised ed.)*. SAGE Publications.
- Fuzirah Hashim, Bahiyah Abdul Hamid, Kesuma A. Bakar & Zarina Othman. (2018)11. Gambaran gender dalam buku teks Bahasa Inggeris. *Malaysia Geografa OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 174-187. doi: <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-14>
- Ghazali Daimin & Azizul Halim. (2004). *Proses penerbitan meja (desktop publishing)*. Shah Alam: UPENA Universiti Teknologi Mara.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2008). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malayas.
- Greene H.A. & Petty W.T. (1975). *Developing language skills in elementary school*. Boston: Allynfc Bacon.
- Hamed M. Adnan. (2007). *Mencari ciri-ciri buku teks terbaik. Prosiding Kolokium Buku Teks: Aspek Teknikal Penerbitan*. Kementerian Pelajaran Malaysia: Bahagian Buku Teks.
- Ismail Zain. (2009). *Kepentingan peta minda*. Diperoleh daripada <http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/index.asp?pg=artikel/petaminda1.htm>.

- Jamila Mohd, Ooi Guan Lee & Rie Kitade. (2017). Isu dalam penulisan dan penggunaan buku teks bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah tingkatan lima. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 6, 153-169.
- Janan, D., & Wray, D. (2014). Reassessing the accuracy and use of readability formulae. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 11(1), 127-145.
- Janan, D., Wray, D., & Pope, M. (2010). Paradigms in readability research. *International Journal of Arts and Sciences*, 3(17), 19-29.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab tinggi berasaskan ujian kloz dalam kalangan pelajar di SMKA. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 11(2), 53-66.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Spesifikasi Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 2*. Putrajaya: Bahagian Buku Teks.
- Lee Chiong Wee. (2012). *Pembelajaran visual dalam usaha meningkatkan tahap kefahaman murid prasekolah (Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Prasekolah amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012)*
- Marohaini Yusoff, Abdul Murad Salleh & Sharir Jamaludin. (2005). Penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan pelajar sekolah menengah: Satu tinjauan kuantitatif. *Jurnal Pendidikan* 28(01), 147-159.
- Mas Ayu Dahlan. (2003). *Penggunaan buku teks di Sekolah Bestari: Tumpuan Kepada sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan* (Kertas Projek Sarjana Pendidikan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (2014). *Seminar transformasi buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia 2014*. Kertas Kerja Persembahan Buku Teks Masa Hadapan. Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Meyer Schapiro (1996). *Words, Script and Pictures: Semiotics of Visual Language*. Michigan: G. Braziller.
- Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran Bahasa Arab: Satu tinjauan di SMAP Kajang. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab (PKEBAR'12)*.
- Mohd. Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj & Zaharah Hussain. (2013). Inovasi dan kreativiti dalam reka bentuk buku teks sekolah menengah: Aplikasi pendekatan Interpretive Structural Modeling (ISM). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1), 1-9.
- Mus Chairil Samani. (2003). *Pembangunan buku teks sekolah di Malaysia: Dasar, amalan & ekonomi* (Kertas Projek Sarjana Pendidikan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Murshidah Nik Din & Normila Noruddin (2011). Penerapan aspek bahasa, budaya dan pendidikan terhadap buku teks bahasa Arab dalam program j-QAF. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 4, 27-41.
- Nur Idayu Yusi. (2017). Pelaksanaan literasi visual dalam pengajaran dan pembelajaran. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 8(1), 66-71.
- Nurliah Jair. (2009). *Penggunaan peta konsep untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah bagi pelajar tingkatan dua di Cheras* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research method*. (2nd ed). London: Sage Publication.
- Poynter online. *Visual journalism section*. Dicapai dari www.poynter.org.

- Qhairunnisa Aziz. (2015). *Ilustrasi dalam buku teks bahasa Malaysia tahun dua sepanjang tahun 1974-1984*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ritchie, J. & J. Lewis. (2003). *Qualitative Research Practice : A Guide for Social Science Students and Researchers*. London: Sage.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(2), 99-116. <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/3308>
- Rosniah Mustaffa. (2007). Mengadaptasikan gaya pembelajaran pelajar ESL: Satu kajian kes pelajar tahun satu di UKM. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 7(1), 1-32.
- Tomlinson, CM., & Lynch-Brown, C. (1996). *Essentials in children's literature* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- UNESCO. (2008). *UNESCO guidebook on textbook research and textbook revision*. <http://www.unesdoc.unesco.org/images/0011/001171/117188e.pdf>
- Wan Fatimah Mohd. (2000). Kajian penggunaan buku teks KBSM di sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. *Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Buku Teks KBSM di Negeri Sembilan*.
- Wray, D. & Janan, D. (2013b). Exploring the readability of assessment tasks: the influence of text and reader factors. *Multidisciplinary Journal of Educational Research*, 3(1), 69-95. <http://dx.doi.org/10.4471/remie.2013.04>
- Wray, D., & Janan, D. (2013a). Readability revisited? The implications of text complexity. *Curriculum Journal*, 24(4), 553-562.
- Yahya Othman & Azmey Othman. (2012). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah Arab di negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 32-45.
- Zamri Mahamod, Mahidin Awang Hitam & Afendi Hamat. (2011). Sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap penggunaan penggunaan buku teks Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1(2), 17-30. <http://journalarticle.ukm.my/3180/>
- Zulkifli A. Manaf, Shahril @Charil Marzuki, & Shahrir Jamaluddin. (1995). *Impak skim pinjaman buku teks* (Laporan kajian yang tidak diterbitkan). Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.